



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**SAMBUTAN HARI TVET NEGARA 2025 –
"TVET PILIHAN UTAMA KERJAYA"**

Bersempena Hari Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara yang disambut pada 2 Jun setiap tahun, Sambutan Hari TVET Negara 2025 melibatkan kerjasama pelbagai agensi daripada 12 kementerian bagi meraikan kebersamaan dalam menjayakan agenda transformasi TVET akan diadakan di Melaka International Trade Centre (MITC) Ayer Keroh, Melaka bermula hari ini sehingga 13 Jun 2025 dari 8.00 pagi hingga 8.00 malam.

Sambutan ini bertujuan mengiktiraf sumbangan dan pencapaian TVET dalam memperkasa ekonomi negara. Ia juga berfungsi sebagai platform utama untuk mempromosikan laluan kerjaya berasaskan kemahiran kepada masyarakat.

Bertema "**TVET Pilihan Utama Kerjaya**", sambutan program ini diharapkan dapat menarik minat pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk pelajar, belia, pencari kerja, ibu bapa, guru, serta pihak industri.

Selain meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai inisiatif, peluang dan insentif dalam bidang TVET, program ini juga menyediakan maklumat berkaitan laluan pendidikan dan kerjaya kemahiran. Pada masa yang sama, ia bertujuan menarik minat lebih ramai belia untuk memilih TVET sebagai laluan utama mereka.

Sempena dengan tahun Kepengerusian ASEAN 2025, *ASEAN TVET Council* turut menganjurkan *4th Regional Policy Dialogue* bertemakan "*TVET for Rural and Regional Advancement*" selama dua hari bermula 11 hingga 12 Jun 2025.

#TAMAT#

**JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA
11 JUN 2025**

